

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 OKTOBER 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	'Salt, not harmful chemicals, used in cloud seeding'	New Straits Times
2.	MOSTI Nafi Guna Bahan Kimia Berbahaya Dalam Pembenihan Awan	BERNAMA
3.	MOSTI nafi penggunaan bahan kimia dalam pembenihan awan	Utusan Malaysia
4.	Benih awan tak guna bahan kimia bahaya	Berita Harian
5.	Nafi guna bahan kimia	Harian Metro
6.	Laws being drafted to tackle haze	Malay Mail
7.	Clearer days expected this weekend	The Sun
8.	Jabatan Meteorologi nafi guna bahan kimia buat pembenihan awan	BERNAMA
9.	Tiada bahan kimia kuat digunakan	Kosmo
10.	Tidak guna bahan kimia buat pembenihan awan	Sinar Harian
11.	Chemicals not used for cloud seeding	The Sun
12.	Haze levels dropping	The Star
13.	Ribut Mujigae dijangka redakan keadaan	Harian Metro
14.	Landmarks obscured in Penang	The Sun
15.	Status kualiti udara beransur pulih	Harian Metro
16.	Rangka akta baru	Harian Metro
17.	Projek Pembangunan Galeri Pameran Planetarium Negara mampu tarik pengunjung	Utusan Malaysia

'Salt, not harmful chemicals, used in cloud seeding'

KUALA LUMPUR: The Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) has refuted allegations over social media that it has or will use harmful chemicals in cloud-seeding operations to increase rainfall in the coming days.

The cloud-seeding operation is part of efforts to combat the haze.

Its minister, **Datuk Wilfred Madius Tangau**, clarified that the matter used in cloud seeding was sodium chloride, which is regular salt used for daily cooking.

"This salt is safe and doesn't have any side-effects.

"The ingredients and quantities used are the same for each cloud-seeding operation and there are no other chemicals used as falsely spread in social media," said Madius.



Datuk Wilfred Madius Tangau

An air force source explained that in order to encourage more rain, the operation would need to seed more clouds, adding that there were no other proven chemicals for cloud-seeding operations.

Madius stated that in a cloud seeding operation, a tank with a 1,800-litre capacity would be used to dissolve 150 to 200 kilograms of salt in 1,500 litres of water, which would then be sprayed into the clouds.

Messages were spread over WhatsApp and Facebook yesterday, claiming that air force contacts had informed certain parties of the use of "stronger chemicals to make rain", calling for the public to avoid coming into contact with rain, apparently as it would cause skin irritation due to the chemicals used.





MOSTI Nafi Guna Bahan Kimia Berbahaya Dalam Pembenihan Awan

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) hari ini menafikan pihaknya menggunakan bahan kimia berbahaya dalam pembenihan awan seperti yang tersebar dalam laman sosial.

[Menteri berkenaan Datuk Madius Tangau](#) berkata bahan yang digunakan adalah natrium klorida iaitu garam masakan biasa.

"Garam ini selamat dan tidak mempunyai kesan sampingan terhadap kesihatan manusia atau alam sekitar," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurutnya bahan dan kuantiti garam yang digunakan adalah sama setiap operasi pembenihan awan dijalankan dan tiada tambahan bahan kimia lain digunakan seperti yang disebarkan dalam laman sosial.

"Dalam sesuatu operasi pembenihan awan, sebanyak 200 kilogram garam akan dilarutkan ke dalam 1,500 liter air dalam tangki berisi padu 1,800 liter sebelum disembur ke dalam awan," katanya.

Mesej berbahasa Inggeris itu yang disebarkan melalui aplikasi WhatsApp tertera: "Friends from TUDM (RMAF) just called to alert that they are using strong chemical to make rain. This might affect the skin. So please stay away from the rain these few days and if (one comes) in contact, rinse promptly."

("Rakan daripada TUDM baru menghubungi untuk memaklumkan mereka menggunakan bahan kimia yang kuat untuk menghasilkan hujan. Ia mungkin memberi kesan kepada kulit. Jadi, tolong elakkan hujan beberapa hari ini dan jika terkena, bilas dengan segera.")

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail hari ini meminta orang ramai supaya tidak mempercayai maklumat palsu itu dan menyebarkannya, sekali gus menimbulkan kekeliruan kepada orang awam mengenai pembenihan awan.

Hujan asid hanya berlaku apabila bahan 'pencemar' yang terkandung dalam jerebu bertindak balas secara kimia dengan air hujan, katanya kepada Bernama ketika diminta mengulas perkara itu.

Menurutnya satu pembenihan awan dilakukan pada 2.30 petang tadi yang memberi tumpuan kepada kawasan Lembah Klang.

"Pembenihan awan dilakukan dengan mengambil kira faktor keadaan awan, atmosfera yang sesuai dan stabil serta udara lembap pada masa ini di kawasan itu," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7
TARIKH: 06 OKTOBER 2015 (SELASA)

MOSTI nafi penggunaan bahan kimia dalam pembenihan awan

KUALA LUMPUR 5 Okt. - **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** hari ini menafikan penggunaan bahan kimia berbahaya dalam operasi pembenihan awan seperti yang disebar melalui laman sosial sejak beberapa hari ini.

Menterinya, Datuk Madius Tangau berkata, bahan-bahan yang digunakan untuk pembenihan awan ialah natrium klorida iaitu garam masakan yang biasa digunakan dalam kehidupan seharian.

Katanya, garam tersebut adalah

selamat dan tidak mempunyai sebarang kesan sampingan terhadap kesihatan mahupun alam sekitar.

"Bahan dan kuantiti garam yang digunakan adalah sama dalam setiap operasi pembenihan awan dan tiada tambahan bahan kimia lain seperti yang disebarkan dalam laman sosial.

"Dalam sesuatu operasi pembenihan awan, 150 hingga 200 kilogram garam biasa akan dilarutkan ke dalam 1,500 liter air di dalam tangki berisipadu 1,800 liter yang seterusnya akan disembur ke

dalam awan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Baru-baru ini, satu mesej dalam Bahasa Inggeris berkenaan penggunaan bahan kimia telah disebar melalui aplikasi WhatsApp yang berbunyi: "Kawan-kawan dari TUDM memberi amaran mereka menggunakan bahan kimia yang lebih kuat untuk membuat hujan. Ini mungkin boleh menjejaskan kulit kita. Jadi tolong jangan berada di dalam hujan untuk beberapa hari ini dan jika terkena, bilas segera."

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 06 OKTOBER 2015 (SELASA)

Benih awan tak guna bahan kimia bahaya

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) semalam, menafikan pihaknya menggunakan bahan kimia berbahaya dalam pembenihan awan seperti yang tersebar dalam laman sosial.

Menterinya, Datuk Madius Tangau, berkata bahan yang digunakan adalah natrium klorida iaitu garam masakan biasa.

"Garam ini selamat dan tidak mempunyai kesan sampingan terhadap kesihatan manusia atau alam sekitar," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurutnya, bahan dan kuantiti garam yang digunakan adalah sama setiap operasi pembenihan awan dijalankan dan tiada tambahan bahan kimia lain digunakan seperti yang disebarkan dalam laman sosial.

"Dalam sesuatu operasi pembenihan awan, sebanyak 200 kilogram garam akan dilarutkan ke dalam 1,500 liter air dalam tangki berisi padu 1,800 liter sebelum disembur ke dalam awan," katanya.

Mesej yang disebarkan melalui aplikasi WhatsApp berbunyi: "Rakan daripada TUDM baru menghubungi untuk memaklumkan mereka menggunakan bahan kimia yang kuat untuk menghasilkan hujan. Ia mungkin memberi kesan kepada kulit. Jadi, tolong elakkan hujan beberapa hari ini dan jika terkena, bilas dengan segera."

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 12 A
TARIKH: 6 OKTOBER 2015 (SELASA)

Kuala Lumpur

Nafi guna bahan kimia

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) semalam menafikan pihaknya menggunakan bahan kimia berbahaya dalam pembenihan awan seperti tersebar dalam laman sosial.

Menteri berkenaan **Datuk Madius Tangau** berkata, bahan digunakan adalah natrium klorida iaitu garam masakan biasa.

"Garam ini selamat dan tidak mempunyai kesan sampingan terhadap kesihatan manusia atau

alam sekitar," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurutnya, bahan dan kuantiti garam digunakan sama setiap operasi pembenihan awan dijalankan dan tiada tambahan bahan kimia lain seperti disebarkan dalam laman sosial.

"Dalam operasi pembenihan awan, 200 kilogram garam dilarutkan ke dalam 1,500 liter air dalam tangki berisi padu 1,800 liter sebelum disembur ke dalam awan," katanya. - BERNAMA

Laws being drafted to tackle haze

KUALA LUMPUR — Laws relating to trans-boundary haze are being drawn up to enable the government to take action against anyone involved, including foreign companies.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the proposed laws differed from Singaporean laws that allowed action to be taken only against Singaporean companies.

"Singapore recently gazetted the Trans-boundary Haze Pollution Act which allows it to take action such as summonses on companies that cause haze," he said yesterday.

"If (we have) jurisdiction and draft laws, then we can take action against all parties, whether they are from Malaysia, Indonesia

or Singapore."

Wan Junaidi urged Indonesia to immediately enforce stringent laws on those involved in forest fires.

"I have informed the prime minister on the haze situation in the country and I hope he will contact his counterpart in Indonesia," he said.

Separately, the Science, Technology and Innovation Ministry has denied using dangerous chemicals in cloud seeding.

Its minister, Datuk Madius Tangau, said the substance used was cooking salt.

"This salt is safe and does not have side effects on people or the environment," he said in a statement.

He added that the content and quantity of

the salt were the same for all cloud seeding operations and there were no additional chemicals as claimed on social media yesterday.

"In any cloud seeding operation, as much as 200kg of salt is dissolved in 1,500 litres of water in a tank before it is sprayed into the clouds," he said.

The message being spread on WhatsApp said: "Friends from TUDM (RMAF) just called to alert that they are using strong chemicals to make rain. This might affect the skin. So please stay away from the rain these few days and if (one comes) in contact, rinse promptly."

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail urged the

public not to believe the false information and to spread it as it would cause confusion among the people.

"Acid rain only occurs when pollutants in the haze react chemically with rain," she said. — Bernama

Clearer days expected this weekend

PETALING JAYA: With the start of the monsoon season, the Meteorological Department (MET) expects the haze to clear by Oct 10.

MET director-general Datuk Che Gayah Ismail said the haze situation had started improving yesterday, but should clear by this Saturday.

"The haze now is from Sumatra and Kalimantan, and it should start dissipating by today. The weather should return to normal, with light and variable wind and afternoon thunderstorms which would help to clear the existing haze," she told *theSun*.

She added although the inter-monsoon period began last month, the two tropical storms coming from the Philippines will help conditions in Malaysia.

On Saturday, Science, Technology and Innovations Minister Datuk Madius Tangau had said that the haze may ease briefly until Friday and return on Saturday if the fires in Sumatra and Kalimantan were not put out.

The Air Pollutant Index (API) reading on the Department of Environment (DoE) website showed significant improvement in most areas in Kuala Lumpur and the Klang Valley with many areas having moderate readings. – by **Vathani Panirchellvum**



Jabatan Meteorologi Nafi Guna Bahan Kimia Buat Pembenihan Awan

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi](#) menafikan mereka menggunakan bahan kimia yang lebih kuat dalam melakukan pembenihan awan ketika jerebu sekarang sehingga boleh menyebabkan hujan yang memberi kesan negatif kepada manusia.

"Kami tidak pernah menggunakan bahan kimia yang lebih kuat. Sebaliknya kami hanya menggunakan garam biasa yang tidak akan memberi sebarang kesan kepada manusia," kata [Ketua Pengarah jabatan tersebut Datuk Che Gayah Ismail](#) kepada Bernama.

Mesej penggunaan bahan kimia disebarkan dalam bahasa Inggeris melalui aplikasi WhatsApp pada Isnin yang antara lain berbunyi: "Kawan-kawan dari TUDM memberi amaran mereka menggunakan bahan kimia yang lebih kuat untuk membuat hujan. Ini mungkin boleh menjejaskan kulit kita. Jadi tolong jangan berada di dalam hujan untuk beberapa hari ini dan jika terkena, bilas segera."

Che Gayah meminta orang ramai tidak mempercayai maklumat palsu itu dan jangan menyebarkannya.

"Hujan asid hanya berlaku apabila bahan 'pencemar' yang terkandung dalam jerebu bertindak balas secara kimia dengan air hujan," katanya.

Sementara itu beliau berkata pembenihan awan kali ini akan difokuskan kepada Lembah Klang memandangkan kualiti udara di kawasan itu masih pada tahap tidak sihat.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan, Maznorizan Mohamad berkata pihak mereka sedang bersiap sedia untuk melakukan pembenihan awan.

-- BERNAMA

Pembenihan awan hanya guna garam biasa, tidak beri kesan negatif kepada manusia

Tiada bahan kimia kuat digunakan

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi menafikan pihaknya menggunakan bahan kimia yang lebih kuat dalam melakukan pembenihan awan ketika jerebu hingga boleh menyebabkan hujan yang memberi kesan negatif kepada manusia.

Kepada Bernama, Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar kecil**) menegaskan: "Kami tidak pernah menggunakan bahan kimia yang lebih kuat. Sebaliknya kami hanya menggunakan garam biasa yang tidak akan memberi sebarang kesan kepada manusia."

Beliau menambah, hujan asid hanya berlaku apabila bahan 'pencemar' yang terkandung

dalam jerebu bertindak balas secara kimia dengan air hujan.

Kenyataan beliau itu sebagai menjawab penyebaran maklumat yang disebarkan melalui aplikasi WhatsApp yang disebarkan dalam media sosial.

Mesej dalam bahasa Inggeris itu antara lain berbunyi: "Kawan-kawan dari TUDM

(Tentera Udara Diraja Malaysia) memberi amaran mereka menggunakan bahan kimia yang lebih kuat untuk membuat hujan. Ini mungkin boleh menjejaskan kulit kita. Jadi tolong jangan berada di dalam hujan untuk beberapa hari ini dan jika terkena, bilas segera."

Sehubungan itu, Che Gayah meminta orang ramai agar tidak mempercayai maklumat



KERATAN Kosmo! semalam.

palsu itu dan jangan sesekali menyebarkannya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, pembenihan awan kali ini akan difokuskan di Lembah Klang memandangkan kualiti udara di kawasan itu masih pada tahap tidak sihat.



OPERASI pembenihan awan yang dijalankan untuk mengatasi jerebu di negara ini tidak menggunakan bahan kimia berlebihan. - Gambar hiasan.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (JEREBU MELANDA LAGI) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 06 OKTOBER 2015 (SELASA)

Tidak guna bahan kimia buat pembenihan awan

KUALALUMPUR - Jabatan Meteorologi menafikan mereka menggunakan bahan kimia yang lebih kuat dalam melakukan pembenihan awan ketika jerebu sekarang sehingga boleh menyebabkan hujan yang memberi kesan negatif kepada manusia.

"Kami tidak pernah menggunakan bahan kimia yang lebih kuat. Sebaliknya kami hanya menggunakan garam biasa yang tidak akan memberi sebarang kesan kepada manusia," kata Ketua Pengarah jabatan tersebut, **Datuk Che Gayah Ismail**.

Mesej penggunaan bahan kimia di-

sebar dalam bahasa Inggeris melalui aplikasi *WhatsApp* semalam yang antara lain berbunyi: "*Kawan-kawan dari TUDM memberi amaran mereka menggunakan bahan kimia yang lebih kuat untuk membuat hujan. Ini mungkin boleh menjejaskan kulit kita. Jadi tolong jangan berada di dalam hujan untuk beberapa hari ini dan jika terkena, bilas segera.*"

Che Gayah meminta orang ramai tidak mempercayai maklumat palsu itu dan jangan menyebarkannya.

"Hujan asid hanya berlaku apabila ba-

han 'pencemar' yang terkandung dalam jerebu bertindak balas secara kimia dengan air hujan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pembenihan awan kali ini akan difokuskan kepada Lembah Klang memandangkan kualiti udara di kawasan itu masih pada tahap tidak sihat.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan, Maznorizan Mohamad berkata, pihak mereka sedang bersiap sedia untuk melakukan pembenihan awan. - *Bernama*

Chemicals not used for cloud seeding

KUALA LUMPUR: The Meteorological Department has denied using strong chemicals for cloud seeding, leading to rain which can have a negative effect on human skin.

Its director-general, Datuk Che Gayah Ismail denounced the message being spread via WhatsApp yesterday as false.

"We never use strong chemicals, on the contrary we only use regular salt which will not have any effect on humans," she told Bernama when contacted.

The message read: "Friends from TUDM (RMAF) just called to alert that they are using strong chemicals to make rain. This might affect the skin. So please stay away from the rain these few days."

Che Gayah said the public have been asked not to believe this false information and spread the message which will only cause confusion among the public on cloud seeding.

Haze levels dropping

Clear weather expected after Oct 10, says Meteorological Dept

PETALING JAYA: Haze levels continued to drop after a torrid weekend that saw seven areas facing very unhealthy levels.

As of 5pm yesterday, 18 areas recorded an unhealthy Air Pollutant Index (API), compared to 28 at 11pm the previous day.

An API reading from 0 to 50 indicates good air quality; 51 to 100, moderate; 101 to 200, unhealthy; 201 to 300, very unhealthy; and 301 and above, hazardous.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said this was due to the trop-

ical storm Mujigae, which was expected to make landfall in China yesterday.

"Once it hits China, the wind will revert to typical inter-monsoon winds that are light and variable and we don't expect to have any transboundary haze," she said.

"As you can see, it is already improving slightly. And there should be clear weather after Oct 10."

However, the falling trend remains subject to no new tropical storms forming in the region.

Che Gayah said the region would usually see three to four tropical storms in October and only two had occurred so far.

"Mujigae is one while the other, Choi-wan, developed somewhere over the east of the Philippines but is moving towards Japan ... so it is too far away to have much impact on the wind here."

She added that lately it had been very difficult to carry out cloud seeding because for safe operating procedure, a minimum of 1.6km of runway visibility was required.

"We are always on standby to carry out cloud seeding but this month we have only managed to cloud seed once - on Oct 2."

Che Gayah also noted that the Fire Hazard Map in Indonesia was still in red.

"This means it is dry there, easy to catch fire and that fires would be very hard to put out."

Haze maps on the Asean Specialised Meteorological Centre website shows that winds from Kalimantan and Sumatra are blown west and beyond Peninsular Malaysia.

Ribut Mujigae dijangka redakan keadaan



KEADAAN jerebu tak halang pengunjung menjalankan aktiviti di pantai Teluk Kemang, Port Dickson.

Kuala Lumpur: Ribut Tropika Mujigae yang dijangka melanda China dalam masa sehari dua akan menghentikan asap jerebu baru masuk ke dalam negara.

Ribut Tropika Mujigae itu menyebabkan angin kuat bertiup dari arah tenggara dan barat daya serta membawa asap jerebu daripada puncanya ke Malaysia dan juga Singapura.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, sekira negara masih berdepan masalah jerebu selepas perubahan angin berkenaan, ia berpunca daripada jerebu sedia ada.

"Selepas ribut tropika ini lenyap sepenuhnya, negara

kembali mengalami angin lazim musim antara monsun iaitu angin lemah dari pelbagai hala dan cuaca yang lebih lembap.

"Dengan kehadiran hujan selepas perubahan angin berlaku, masalah jerebu sedia ada akan dapat diselesaikan dengan syarat tiada ribut tropika lain yang terbentuk," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Menurut Che Gayah, secara puratanya, akan terdapat tiga hingga empat ribut tropika terbentuk di rantau Lautan Pasifik Barat pada bulan Oktober setiap tahun dan sehingga kini dua ribut sudahpun terbentuk.

Pada masa sama, MetMalaysia hanya menunggu masa sesuai untuk menjalankan operasi pembenihan awan di kawasan yang masih mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat untuk tempoh 72 jam berturut-turut.

Operasi terpaksa ditangguhkan untuk beberapa hari lalu berikutan jarak penglihatan di landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang yang rendah.

Ditanya mengenai bahan yang digunakan bagi pembenihan awan kali ini, Che Gayah menegaskan pihaknya masih menggunakan garam biasa bagi menghasilkan hujan.

Landmarks obscured in Penang

BY AARON NGUI

newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: Penang residents woke up yesterday to another hazy day with thick smog obscuring many of its landmarks.

Many motorcyclists and pedestrians were seen donning face masks as they went about their day as checks showed the Air Pollutant Index (API) readings have already breached the unhealthy level in the state.

As at 10am, the highest API reading was 164 as recorded by the monitoring station at Universiti Sains Malaysia (USM) here while on the mainland, both the Prai and Seberang Jaya 2 monitoring stations recorded API readings of 161 each.

Visibility also suffered with Butterworth recording only 1km as at 12pm yesterday.

Both Bayan Lepas and Prai recorded visibility of 2km each at that time according to the Malaysian Meteorology Department.

When contacted, Penang International Airport (PIA) senior manager Arif Jaafar said via text that airport operations were normal.

Ferry services were also running as scheduled, according to a Penang Port spokesman.

Meanwhile, Bernama reports that USM postponed all lectures yesterday due to the worsening haze conditions. USM registrar Siti Zubaidah A. Hamid said USM decided to suspend all teaching



The Penang Bridge is hardly visible due to the choking smog.

and learning activities (lectures and tutorials) as well as all outdoor activities due to the deteriorating unhealthy air quality.

"The postponement involves its Penang main campus, engineering campus in Nibong Tebal and the Advanced Medical and Dental Institute in

Bertam," she said, adding USM had taken the precaution following the thick haze and the API at USM approaching a very unhealthy level at 189.

Nonetheless, she said all teaching and learning activities postponed would be replaced and rescheduled by the respective faculties.

Status kualiti udara beransur pulih

Kuala Lumpur: Status kualiti udara di kebanyakan kawasan di Semenanjung beransur pulih dengan hanya 19 kawasan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat berbanding 28 tempat, petang semalam.

Menurut laporan dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) jam 6 petang semalam, Langkawi mencatat bacaan paling tinggi dengan IPU 152, diikuti USM (133), Seberang Jaya 2 (128), SK Jalan Pegoh Ipoh (127), Bakar Arang Sungai Petani (121), Alor Setar (120), Bandar Raya Melaka (115), Perai (114), Bukit Rambai (113), Kangar (112) dan Kuala Selangor (111).

Turut merekodkan bacaan tidak sihat adalah Port Dickson (109), Pasir Gudang (106), Shah Alam (105), Pelabuhan Kelang dan Jalan Tasek Ipoh (104) serta Banting (101).

Sementara lima lokasi di empat negeri termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatat bacaan IPU melebihi 90.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam kenyataannya berkata, kejadian ribut tropika Shoi-Wan dalam tempoh beberapa jam akan datang dijangka menyebabkan taburan hujan negara tidak menyeluruh dan jerebu berterusan untuk beberapa hari.

"Menurut ramalan cuaca

dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia, ribut tropika Shoi-Wan ini sudah terbentuk di Lautan Pasifik Barat di bahagian Timur Filipina dan dijangka bergerak ke arah Jepun.

"Walaupun kehadiran taufan ini tidak mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara kita, ia tetap akan menghalang angin timuran.

"Keadaan ini akan menyebabkan kebanyakan tempat di negara kita tidak akan menerima taburan hujan yang menyeluruh," katanya.

Berikutan itu jelasnya, keadaan jerebu dijangka berterusan tambahan jika kebakaran terbuka di Sumatera dan Kalimantan tidak dipadamkan sepenuhnya.

"Menurut laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) di Singapura semalam, mereka mengesan 37 titik panas di Kalimantan dan 41 lagi di Sumatera.

"Bagaimanapun, bilangan titik panas sebenar tidak dapat dikesan sepenuhnya berikutan dilitupi awan," katanya.

Dalam pada itu, Wan Junaidi turut memberitahu bahawa Peta Jerebu Serantau dikeluarkan ASMC menunjukkan asap jerebu tebal dan sederhana dari kawasan kebakaran di Sumatera dan Kalimantan, menghala ke utara dan tengah Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Rangka akta baru

■ Tangani isu
jerebu rentas
sempadan

■ Syarikat
luar boleh
kena tindakan



Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

A kta yang akan diwujudkan kerajaan berkaitan jerebu rentas sempadan akan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap semua pihak termasuk syarikat luar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, ia berbanding dengan akta sama diwujudkan Singapura yang hanya terpakai

kepada syarikat dari negara itu saja.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu masih di peringkat awal, namun ia akan diperincikan dengan teliti sebelum dibentangkan di Parlimen.

"Setakat ini, tiada undang-undang yang membolehkan Malaysia mengambil tindakan terhadap pihak yang mencetuskan jerebu.

"Berbanding Singapura, mereka sudah ada akta baru saja diluluskan dan digazetkan, namun undang-undang itu terpakai kepada syarikat dari Singapura saja.

"Undang-undang yang akan diwujudkan ini membolehkan Malaysia mengambil tindakan terhadap

FAKTA

Akta baru
Singapura hanya
terpakai kepada
syarikat
negeranya saja

semua pihak termasuk syarikat luar juga," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, di sini, semalam. Hadir sama timbalannya Datuk Hamim Samuri.

Selain itu, Dr Wan Junaidi berkata, beliau juga sudah mengarahkan satu lagi Me-

syuarat Jawatankuasa Jerebu diadakan kali ketiga, hari ini.

Katanya, mesyuarat itu turut disertai pelbagai agensi keselamatan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan serta Jabatan Meteorologi.

"Antara yang dicadangkan termasuk mengagih topeng kepada orang ramai," katanya.

Dr Wan Junaidi berkata, beliau turut bersetuju dengan kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Indonesia meminta tiga tahun untuk menangani jerebu terlalu lama.

Katanya, usaha menangani masalah jerebu bukan komitmen Indonesia semata-

ta-mata, tetapi satu perjanjian persefahaman perlu ditandatangani antara Malaysia dan Indonesia.

"Saya mahu perjanjian ini diwujudkan dengan menyenaraikan enam peringkat termasuk undang-undang serta pencegahan untuk menangani perkara ini kerana tiga tahun terlalu lama," katanya.



DR Wan Junaidi (dua dari kanan) bersama anggota kumpulan Krisis Bencana Gempa Bumi di Ranau, Sabah yang menerima siji penghargaan.

Projek Pembangunan Galeri Pameran Planetarium Negara mampu tarik pengunjung

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Projek Pembangunan Galeri Pameran Planetarium Negara diyakini mampu menarik dan menggalakkan kedatangan pengunjung untuk mendalami bidang angkasa lepas dan astronomi menjelang pembukaannya pada tahun depan.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa) Dr. Nordin Ahmad berkata, pameran terbaharu ini merupakan inisiatif untuk membuka lebih banyak peluang terutamanya bagi orang ramai untuk melihat dan merasai sendiri pengalaman berhubung keindahan langit yang terbentang luas dan mencungkil rahsia serta misteri di sebalik pelbagai fenomena angkasa.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan peningkatan kehadiran pengunjung sebanyak 20 peratus daripada 200,000 yang dicatatkan setiap tahun dengan penambahbaikan yang dilaksanakan melalui pameran di pusat yang bakal dibuka secara percuma menjelang pertengahan Ogos tahun depan.

"Saya yakin pameran berkenaan bakal mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai memandangkan kali ini mengetengahkan konsep interaktif yang menggunakan teknologi terkini berbanding pameran sedia ada yang cenderung kepada poster-poster statik yang spesifik berkenaan dunia angkasa.



NORDIN AHMAD (kanan) dan Mazlan Othman menunjukkan banting pelancaran Minggu Angkasa Sedunia 2015 di Planetarium Negara, Kuala Lumpur, semalam.

"Pameran yang menerapkan modul pendidikan bergerak, pengunjung akan lebih memahami dan mendapat pendedahan tentang ilmu sains kerana mereka bukan sahaja mempelajarinya secara teori, malah boleh merasai pengalaman seperti ketika di angkasa lepas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Minggu Angkasa Sedunia 2015

dan melancarkan Projek Pembangunan Galeri Pameran Planetarium Negara serta Buku Fenomena Cetusan Matahari, di sini hari ini.

Yang turut hadir ahli astrofizik merangkap bekas Pengarah di Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Angkasa Lepas (UNOOSA) di Vienna, Austria, Datuk Dr. Mazlan Othman dan Pengarah Planetarium Negara, Mohd. Fairos Asillam.